

# Usaha bendung HIV terjejas akibat sumber berkurangan

## Jangkitan baharu meningkat susulan pelbagai krisis global

**Washington:** Perjuangan mengekang HIV pada peringkat global terhenti berikutan sumber semakin berkurangan akibat COVID-19 dan krisis lain, menurut laporan dibentangkan pada Persidangan AIDS Antarabangsa di Montreal, Kanada.

Di seluruh dunia, jangkitan baharu HIV menurun hanya 3.6 peratus antara 2020 dan 2021, penurunan tahunan terkecil sejak 2016, kata laporan UNAIDS, bertajuk 'In Danger' (Dalam Bahaya).

Kira-kira 1.5 juta jangkitan baharu direkodkan tahun lalu, lebih sejuta melebihi sasaran global.

Tindak balas terhadap AIDS tergelincir oleh krisis global akibat pandemik HIV dan COVID yang bertembung, perang di Ukraine dan krisis ekonomi global yang terhasil," kata Pengarah Eksekutif UNAIDS, Winnie Byanyima kepada pemberita.

Jangkitan baharu meningkat di timur Eropah, Asia Tengah, Asia Barat, Afrika Utara dan Amerika Latin, sejajar dengan trend selama beberapa tahun. Asia dan Pasifik menyaksikan sedikit peningkatan.

"COVID-19 dan ketidakstabilan lain mengganggu perkhidmatan kesihatan di kebanyakan bahagian dunia dan jutaan tercicir persekolahan, meningkatkan kerentanan HIV mereka," menurut laporan itu.

Di seluruh dunia, 38.4 juta orang hidup dengan HIV pada 2021, dengan 650,000 kematian akibat penyakit berkaitan AIDS.

Wanita muda dan remaja perempuan terjejas secara tidak seimbang, dengan jangkitan baharu berlaku dalam populasi itu

setiap dua minit.

Afrika Sub-Sahara masih menyumbang sebahagian besar jangkitan baharu dengan 59 peratus pada 2021.

Laporan itu diterbitkan ketika negara berpendapatan tinggi mengurangkan bantuan.

### Pandemik jejas peruntukan

Pada 2021, sumber antarabangsa yang tersedia untuk HIV adalah enam peratus lebih rendah berbanding 2010, dengan bantuan dua hala dari Amerika Syarikat (AS) turun 57 peratus.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tindak balas HIV di negara berpendapatan rendah dan sederhana kurang AS\$8 bilion (RM35.6 bilion) daripada jumlah yang diperlukan menjelang 2025.

Pegawai tertinggi bagi penyakit berjangkit AS, Anthony Fauci, berkata beliau bimbang keletihan terhadap pelbagai jenis pandemik menghalang peruntukan sumber untuk membasmi HIV.

"Dengan COVID-19 dan cacar

monyet orang ramai sudah letih dengan epidemik dan pandemik, jadi saya fikir cabaran kita ialah kita perlu berjuang dua kali lebih keras untuk memastikan perjuangan menentang HIV berterusan," katanya.

Pengarah Eksekutif Alliance for Public Health, sebuah kumpulan advokasi AIDS di Ukraine, Andriy Klepikov meminta perhatian khusus kepada negaranya berikutan pencerobohan oleh Russia.

"Lebih 100,000 orang yang hidup dengan HIV sebenarnya tinggal di kawasan yang terjejas secara langsung oleh perang," katanya sambil menekankan keperluan untuk lebih banyak dana daripada program PEPFAR AS untuk HIV serta UNAIDS.

Tujuh puluh peratus kes di seluruh dunia dilaporkan dalam populasi utama iaitu pekerja seks dan pelanggan mereka, lelaki yang melakukan hubungan seks dengan lelaki, orang yang menyuntik dadah dan golongan transgender. AFP